

# UPM diyakini mampu terbang tinggi



RAJMAH  
HASAN

renanca@utusan.com.my

**L**EBIH separuh usianya bersama Universiti Putra Malaysia (UPM), akhirnya kesetiaan beliau berbalas apabila dilantik menjadi Naib Canselor (NC) kelapan sekali gus menjadikannya sebagai wanita pertama memegang jawatan tertinggi universiti itu berkuat kuasa 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2017.

Beliau dimaksudkan ialah Profesor Datin Paduka Dr. Aini Ideris, 63, berasal dari Kota Bharu, Kelantan yang sebelum ini memegang jawatan Pengarah Strategi Korporat dan Komunikasi UPM.

Ditanya visi dan misi dua tahun meneraju universiti itu, Dr. Aini, bersandarkan pepatah ‘membujur lalu melintang patah’ menyatakan keyakinan mampu mempertingkatkan kedudukan UPM yang sudah pun mempunyai legasi tersendiri di pentas antarabangsa ke tahap yang lebih tinggi.

Antara matlamat dan hasratnya ialah meneruskan kesinambungan usaha NC terdahulu untuk meletakkan UPM dalam senarai 200 universiti terbaik dunia dan menubuhkan Pusat Sekuriti Negara berdasarkan bioteknologi menerusi Pelan Strategik UPM 2014-2020 yang bertemakan PUTRA GLOBAL 200 (PG200).

“Pelan ini mendasari komitmen UPM untuk melonjakkan kedudukannya dalam senarai 200 universiti terbaik di dunia melalui penilaian QS World University Rankings.

“Melalui pelan strategik itu, lima matlamat digariskan termasuk meningkatkan kualiti dan daya saing graduan serta menjanaan nilai melalui penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan keusahawanan yang mantap serta lestari.

“Tiga lagi matlamat ialah melonjakkan perkhidmatan jaringan industri dan masyarakat, memperkasa UPM sebagai pusat kecermerlangan pertanian dan meningkatkan kualiti tadbir urus,” katanya dalam sidang pertama dengan wakil media di Bangunan Canselor Putra, Serdang, baru-baru ini.

Dr. Aini yang sudah bersama-sama UPM selama 42 tahun bermula sebagai pelajar Doktor Perubatan Veterinar, menggantikan Profesor Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramli yang tamat kontrak pada 31 Disember ta-



DR. AINI IDERIS pada sidang media pertamanya di Bangunan Canselor Putra, Serdang, baru-baru ini. - UTUSAN/ AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN

hun lalu.

Sepanjang perkhidmatan di UPM, beliau pernah menjawat pelbagai jawatan penting termasuk Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dari 2008 hingga 2013, Pengerusi Lembaga Pengarah UPM Holdings (2009-2011) dan Dekan Sekolah Pengajian Siswazah UPM (2001-2008).

Sementara itu, sebagai universiti yang mempunyai latar belakang pertanian, beliau yakin UPM mampu memikul tanggungjawab untuk menjadi Pusat Sekuriti Makanan peringkat kebangsaan pada masa depan dengan matlamat membantu kerajaan meningkatkan pengeluaran komoditi makanan terpilih yang berpotensi dan berdaya saing.

“Sebagaimana yang kita sedia maklum, sektor pertanian negara kini menghadapi isu produktiviti yang rendah akibat kurangnya penggunaan amalan teknologi terkini dan amalan pertanian yang tidak berfokus kepada agenda komersial.

“Justeru, UPM mempunyai peranan secara langsung bagi meningkatkan sekuriti makanan, terutamanya dari segi pembangunan sumber manusia, pembekalan dan peminahan teknologi sama ada di dalam negara atau di peringkat serantau,” katanya.

Tambah beliau, penubuhan pusat itu juga antara matlamat utama pelan strategik UPM bagi menghasilkan penyelidikan dan produk

berasaskan pertanian dan berharap dapat menjayakan usaha itu selaras statusnya sebagai ‘niche area’ bagi universiti itu.

“Kita mahu UPM menjadi juara sebagai Pusat Sekuriti Makanan Negara kerana program yang ada di sini adalah berdasarkan pertanian,” katanya.

Idea penubuhan pusat itu pernah dicetuskan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selaku Canselor UPM dalam Majlis Konvokesyen Ke-37 pada 27 Oktober 2013.

Menurut Dr. Aini, ketika ini UPM mempunyai 10 institut penyelidikan dengan empat daripadanya berkaitan pertanian iaitu Institut Pertanian Tropikal, Institut Perladangan, Institut Kajian Dasar Pertanian dan Institut Halal.

“Kita akan pastikan keempat-empat institusi ini diperkuuh dan dibangunkan seterusnya meyakinkan pihak kementerian untuk menjadikan UPM sebuah Pusat Sekuriti Makanan Negara,” katanya.

Mengulas pengurangan peruntukan untuk setiap universiti awam seperti diumumkan dalam Bajet 2016, beliau memberitahu pihaknya telah pun melakukan persediaan awal termasuk menubuhkan UPM Holdings sebagai usaha bagi mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan.

UPM Holdings ialah anak syarikat universiti itu akan membantu menjana pendapatan menerusi

## info

### > PROFESOR DATIN PADUKA DR. AINI IDERIS

antara beberapa wanita yang diangkat menjadi naib canselor termasuk Profesor Datuk Dr. Nor Aieni Mokhtar, Naib Canselor baharu Universiti Malaysia Terengganu berkuat kuasa pada 13 April 2015.

### > Wanita terawal dilantik menjadi naib canselor

ialah Datuk Rafiah Salim (Universiti Malaya), Profesor Tan Sri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Profesor Datuk Dr. Aminah Ayob (Universiti Pendidikan Sultan Idris).

perniagaan berdasarkan pembangunan dan penyelidikan (R&D) selain bekerjasama dengan pihak luar dan institusi pengajaran awam lain.

“UPM Holdings akan berbincang dengan industri berkaitan bagi membantu menyalurkan dana kewangan kepada UPM untuk membiayai kajian dan penyelidikan yang kita jalankan untuk tujuan komersial. Kita percaya dapat meningkatkan keuntungan dua kali ganda berdasarkan pencapaian tahun ini sebanyak RM10 juta,” katanya.

Selain itu, tambahnya, UPM juga sedang giat menambah jumlah perolehan dana melalui geran antarabangsa dengan berkongsi kerjasama penyelidikan universiti di peringkat antarabangsa.

“Jumlah perolehan dana geran antarabangsa pada 2015 ialah RM11 juta iaitu peningkatan sebanyak RM10.7 juta berbanding RM3 juta pada 2014,” katanya.

UPM adalah satu-satunya universiti mewakili Asia yang dikenal pasti sebuah konsortium agropolis di Perancis mempunyai potensi untuk mendapat geran R&D daripada pihak mereka.

Dalam pada itu, UPM juga akan meneruskan persaingan mengelakkan ranking 50 universiti berdasarkan pertanian terbaik di dunia berdasarkan pencapaian tahun lepas berada di kedudukan ke-45 berbanding 52 pada 2014.